# PM terkenang semula zaman persekolahan

U.M. - 7 AUG 1991

ALUR SETAR 6 Ogos — Kehadirannya pada Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah Kolej Sultan Abdul Hamid di sini hari ini membuatkan Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad terkenang semula kepada zaman persekolahannya, termasuk ke sekolah berkaki ayam.

Menurutnya, beliau diterima masuk ke Standard 1 kolej itu pada tahun 1932 dan belajar di situ hingga 1946.

Pada masa itu ia dikenali dengan nama Government English School atau G.E.S., dan merupakan sekolah Inggeris tunggal di Kedah.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, guru kelasnya ketika itu ialah "Mr. Noor," iaitu bapa kepada bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Murad Mohamad Noor.

"Saya tidak sedar ketika itu, tetapi sebenarnya saya adalah antara 30 kanak - kanak yang bernasib baik yang berpeluang mendapat pelajaran dan boleh menamatkan pelajaran di peringkat menengah dan tinggi. — Bernama.